

02/02/1997

Dr M hadir mesyuarat atasi gejala sosial

KEPALA BATAS: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan turut menghadiri mesyuarat khas pada Rabu ini, membabitkan semua kakitangan agama bagi menyelesaikan masalah sosial di kalangan belia yang semakin serius di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Dr Mahathir menyatakan hasratnya itu, untuk hadir pada mesyuarat berkenaan bagi mengetahui kedudukan serta mencari jalan mengatasi masalah itu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, mesyuarat yang dipengerusikan beliau sendiri itu, akan membabitkan semua guru agama, ulama, majlis agama Wilayah Persekutuan dan Pusat Islam.

"Buat masa ini, tumpuan akan diberikan di Wilayah Persekutuan dan kawasan Lembah Klang dahulu sebelum diperkembangkan di negeri lain," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama penduduk di masjid Padang Menora, di sini, malam semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut kerana butiran mengenai agenda mesyuarat itu perlu dibincangkan lagi.

Turut hadir pada majlis berbuka puasa itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar dan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

(END)